

23 FEB 2000

Setiausaha-lantik

DUSUKI GANTI AZIZ SAMUDIN SETIAUSAHA POLITIK PM

PUTRAJAYA, 23 Feb (Bernama) -- Bekas Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Dusuki Ahmad hari ini dilantik menjadi Setiausaha Politik Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dusuki, 56, berkelulusan Ijazah Sarjana Syariah dari Universiti Al-Azhar, Mesir, mengisi tempat Senator Datuk Abdul Aziz Samsuddin yang kini menjadi Timbalan Menteri Pendidikan.

Majlis mengangkat sumpah menyimpan rahsia berlangsung di hadapan Dr Mahathir dan disaksikan oleh Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali di sini.

Berpengalaman luas dalam bidang politik, Dusuki pernah menjadi Anggota Parlimen kawasan Tumpat, dan memegang beberapa jawatan dalam Umno seperti Pegawai Penerangan (1967-1969), Setiausaha Biro Agama (1970-1982) dan anggota Exco Pergerakan Pemuda (1974-1986).

Beliau juga merupakan Pengarah Pejabat Liga Muslim Sedunia bagi Malaysia, selain menjadi Pengarah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia dan anggota Majlis Penasihat Lembaga Urusan Tabung Haji.

Turut mengangkat sumpah menyimpan rahsia sebagai Setiausaha Politik ialah:

* Husain Abdul Rahman bagi Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir,

* Dullie Marie bagi Menteri di Jabatan Perdana Menteri Senator Datuk Pandikar Amin Mulia,

* Lai Meng Chong bagi Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn,

* Wee Jeck Seng bagi Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Ong Ka Ting; dan

* Hasni Mohammad bagi Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Pelantikan mereka berkuatkuasa hari ini.

Dusuki berkata Perdana Menteri dalam amanatnya kepada semua setiausaha politik yang baru, meminta mereka menjaga amanah yang diberikan.

"Perdana Menteri berpesan bahawa jawatan setiausaha politik sentiasa diperhatikan. Beliau juga meminta supaya kami sentiasa berwibawa, menjaga perhubungan antara menteri, kementerian dan orang ramai dengan baik," katanya.

-- BERNAMA

RAZ MAI